

13/05/1999

Dedah kelemahan perlu dilihat secara positif

reports on "Dewan Negara" by Ahmad Burak  
KUALA LUMPUR, Rabu - Pendedahan secara terbuka mengenai kelemahan beberapa kementerian dalam pengurusan masing-masing, perlu dilihat secara positif serta dijadikan asas untuk mencapai kekuatan pada masa akan datang.

Senator Datuk Ghazi @ Hasbullah Ramli, berkata menerusi pendedahan itu kajian mendalam boleh dilakukan bagi mengenal pasti setiap kelemahan serta mencari jalan mengatasinya dengan segera.

Membahaskan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, beliau berkata keupayaan kerajaan mengatasi kelemahannya sentiasa menjadi perhatian rakyat, di samping membantu mempercepatkan pembangunan.

Menurutnya, jika kerajaan gagal mengatasi segera kelemahan itu, ia mungkin mempengaruhi persepsi rakyat terhadap kemampuan kerajaan, terutama menjelang pilihan raya umum yang sepatutnya diadakan selewat-lewatnya April tahun depan.

Menurut Ghazi, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai ketua negara yang kuat bekerja serta memiliki strategi bernas dan berwawasan, patut dijadikan "ikutan" semua kakitangan awam.

"Jika kita ikut cara Dr Mahathir bekerja, kita akan dapat banyak kemajuan dan negara akan terus dihormati dunia," katanya.

Baru-baru ini, beberapa kementerian mendakwa gagal melaksanakan projek yang dirancang kerana lewat menerima peruntukan Perbendaharaan Negara.

Senator Long Jidin pula mendesak kerajaan memberi hak milik tanah lebih cepat kepada Orang Asli kerana ia adalah aset penting untuk golongan itu bergiat aktif dalam kegiatan ekonomi.

Katanya, sebelum ini beberapa syarikat yang diberi kontrak memajukan kawasan tanah milik Orang Asli, menjanjikan pelbagai pakej menarik tetapi terbukti gagal mengotakan janji itu.

Kegagalan itu, katanya, menyebabkan ramai Orang Asli hilang kepercayaan dan hidup lebih menderita.

"Orang Asli jangan sekali-kali ditipu atau dipermainkan kerana sekali terpedaya, mereka tidak akan percaya lagi pada masa akan datang.

"Orang Asli bukan antipembangunan, tetapi yang paling penting ialah tunaikan janji yang dipersetujui bersama," katanya.

Senator Jamilah Ibrahim yang turut mengambil bahagian dalam perbahasan itu mencadangkan kerajaan menggubal undang-undang untuk menjaga kepentingan wanita bekerja daripada gangguan seksual.

Undang-undang itu, katanya, penting bagi melindungi wanita bekerja kerana golongan itu memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara.

Beliau turut mencadangkan mata pelajaran berkaitan multimedia dan teknologi maklumat (IT) diperluaskan supaya pelajar tidak ketinggalan dalam bidang itu terutama untuk menghadapi cabaran alaf akan datang.

Jamilah juga meminta usaha mempromosikan industri pelancongan diperhebatkan untuk menarik lebih ramai pelancong melawat Malaysia.

Sehubungan itu, katanya, semua kemudahan prasarana berkaitan industri berkenaan perlu ditambah dan dipermodenkan kerana ia berupaya menarik tükaran asing ke dalam negara ini.

Senator Ramlah Abas pula berkata, kerajaan seharusnya menambah kawasan perindustrian di luar bandar untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan di kawasan berkenaan, khususnya kepada generasi muda.

(END)